

Anak-anak perlu dididik kepentingan hidup berjiran sejak kecil

KEHARMONIAN hidup berjiran sangat dititikberatkan dalam syariat Islam. Walaupun sempadan rumah dipisahkan dengan pagar, perkongsian nilai hidup yang harmoni tetap kukuh jika wujudnya sifat mengambil berat dan menghargai hak sesama jiran tetangga. Allah SWT berfirman dalam Surah an-Nisa' ayat 36, bermaksud: *"Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga*

yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membanggakan diri".

Mengambil berat akan resmi hidup berjiran sebenarnya perlu dipupuk dalam kalangan anak-anak kecil. Pada usia inilah anak-anak mudah menyerap pendidikan yang diberi dan menerapkannya dalam kehidupan seharian. Anak-anak perlu dididik siapa dan pentingnya jiran dalam kehidupan. Mana-mana perkara yang silap, ditegur secara berhemah dan berhikmah, mana yang betul, di-

jadikan panduan dan pedoman semoga kehidupan sentiasa di bawah keredaan Allah SWT.

Anak-anak juga perlu tahu bahawa jiran itu terbahagi kepada beberapa kategori yang mempunyai hak dan keutamaannya yang tersendiri. Menurut hadis Rasulullah SAW kategori pertama adalah jiran bukan Islam yang mempunyai satu hak iaitu hak berjiran. Kategori kedua adalah jiran beragama Islam yang mempunyai dua hak iaitu hak jiran dan hak Islam. Manakala kategori ketiga pula adalah jiran beragama Islam yang mempunyai hubungan kekeluargaan, yang memiliki tiga hak iaitu hak

jiran, hak Islam dan hak kekeluargaan. Perbezaan hak ini perlu dijelaskan kepada anak-anak lantaran kepentingannya dalam menyatupadukan komuniti kejiranan setempat tanpa mengabaikan walau satu pun hak mana-mana pihak.

Apa yang lebih penting adalah ibu bapa sendiri perlu menunjukkan contoh teladan yang sebaiknya kepada anak-anak dalam hal kehidupan berjiran ini.

**KHAIRUNNEEZAM
MOHD NOOR,**

*Fakulti Kepimpinan dan
Pengurusan, Universiti Sains
Islam Malaysia, Nilai,
Negeri Sembilan.*